

Lorong khas kenderaan berat perlu disegerakan – Pakar

KUALA LUMPUR - Lonjakan jumlah kenderaan berat di lebuh raya utama negara mendorong keperluan mendesak untuk kerajaan mewujudkan lorong khas bagi mengurangkan risiko kemalangan maut.

Pakar Keselamatan Jalan Raya Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Law Teik Hua berkata, pertambahan pesat bilangan lori dan treler menyebabkan lebuh raya seperti Lebuh raya Utara-Selatan (PLUS), Lebuh raya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) dan Lebuh raya Pantai Timur (E8) secara keseluruhan semakin sesak dan berbahaya untuk pengguna kenderaan ringan.

"Kenderaan kecil seperti kereta dan motosikal kini terpaksa berkongsi laluan dengan kenderaan berat yang besar dan perlahan, tanpa pemisahan trafik yang jelas. Ini meningkatkan ri-

siko pelanggaran serius," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Teik Hua, pelaksanaan lorong khas bukan sahaja mampu mengurangkan kesesakan dan memperbaiki aliran trafik, malah lebih penting dapat mengurangkan kemalangan maut yang sering berlaku akibat perbezaan saiz dan kelajuan antara kenderaan.

Beliau berkata, sekiranya pelaksanaan lorong khas belum dapat direalisasikan dalam masa terdekat, langkah alternatif perlu dipertimbangkan segera.

"Antaranya termasuk pengenalan had masa operasi lori pada waktu puncak, laluan khusus di kawasan berisiko tinggi, serta penguatkuasaan zon larangan kenderaan berat," ujarnya.



TEIK HUA

Teik Hua berkata, penggunaan teknologi moden seperti Geofencing, Intelligent Transport System (ITS) dan Overweight Detection System juga boleh membantu mengawal pergerakan kenderaan berat dengan lebih efektif.

Beliau juga menegaskan bahawa aspek penguatkuasaan dan pendidikan keselamatan jalan raya perlu diperkukuh selari



NURRUL HAFEEZAH

dengan penambahbaikan infrastruktur.

"Pelaksanaan lorong khas mungkin memerlukan pelaburan besar, tetapi manfaat jangka panjang dalam mengurangkan kematian dan mempertingkatkan kelancaran trafik sangat berbaloi," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Nurul Hafeezah Sahak berkata, walaupun langkah mengadakan lorong khas tersebut memerlukan kos tinggi dan perancangan rapi, namun keperluan itu tidak lagi boleh dipandang ringan.

"Dari Januari hingga April 2025 sahaja, sebanyak enam kes kemalangan maut melibatkan kenderaan berat dilaporkan media tempatan.

"Angka ini cukup membuktikan bahawa isu keselamatan jalan raya berada pada tahap yang kritikal," katanya.

Beliau berkata, tanpa pengasingan, pemandu kenderaan ringan berisiko tersekat di belakang lori dan akan bertindak agresif seperti memotong secara bahaya apabila hilang sabar.

"Lorong khas boleh membantu mengurangkan pertembungan dan insiden sedemikian," jelasnya.

Dr Nurul turut mencadangkan beberapa mekanisme jangka pendek bagi mengurangkan risiko pelanggaran maut antara kenderaan berat dan ringan.

"Antaranya ialah penguatkuasaan undang-undang lebih ketat terhadap penggunaan lorong kanan oleh kenderaan berat serta penetapan larangan operasi lori di kawasan bandar pada waktu puncak," katanya.